

Hapus tindakan perusahaan: PM

3.11.13 OCT 1993
Oleh Wan Hamidi Hamid

KEMAMAN, Selasa — Tradisi menguji kekuatan di antara pekerja dan majikan melalui tindakan perusahaan perlu dihapuskan kerana ia adalah amalan primitif yang ditiru dari Barat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, cara yang lebih baik untuk menyelesaikan isu perhubungan perusahaan ialah melalui rundingan atau arbitrase (pengadilan oleh pihak ketiga).

Menurutnya, mengikut amalan yang diterima di Barat, apabila ada tuntutan daripada pekerja, cara penyelesaian yang dilakukan ialah dengan menguji kekuatan di antara pekerja dan majikan.

"Jadi, kalau majikan sanggup (diuji) sampai rosak dia punya perniagaan dia tak nak bagi, dia menang. Atau kalau (majikan) nampak dia tak boleh tahan, dia kena bagi, (pekerja) menang.

"Cara ini agak primitif. Di zaman sekarang, kalau kita ada masalah di antara dua pihak, kita (boleh selesaikan) sama ada melalui rundingan atau mencari orang ketiga atau hakim untuk menyelesaikan masalah dengan mengambil kira segala faktor," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Loji Pengurangan Langsung Perwaja Steel Sdn Bhd di Kawasan Perusahaan Teluk Kalong di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, amalan primitif itu merosakkan industri sebagaimana yang dialami di Ero-

pah dan Amerika Syarikat pada masa ini.

Katanya, majikan Barat yang takut pekerja mereka merosakkan industri melalui mogok terpaksa melayan tuntutan sehingga membayar gaji yang terlalu tinggi.

"Hari ini gaji yang dibayar kepada pekerja (Barat) terlalu tinggi sehingga mereka tidak

kompetitif. Apabila mereka kompetitif, mereka nak paksa kita pula menaikkan gaji pekerja sehingga kita tidak boleh bersaing dengan mereka," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, perbuatan menaikkan gaji pekerja selepas menerima ugutan mogok memang akan merosakkan industri tetapi kesatuan dan industri Ba-

rat suka jika industri Malaysia rosak supaya tidak boleh bersaing dengan mereka.

Ditanya sama ada Perdana Menteri bimbang pendiriannya ditafsirkan sebagai usaha menyekat hak pekerja, Dr Mahathir berkata, kefahaman Barat yang primitif itu menjadikan sesetengah orang Malaysia sendiri berangga-

pan bahawa merosakkan industri adalah hak pekerja.

Katanya, kesatuan dan pertubuhan Barat menanam anggapan itu dalam hati sesetengah pemimpin kesatuan sekerja tempatan supaya mereka kecewa apabila tidak boleh mogok sedangkan mogok itu merosakkan industri negara.